

Ahad, 28 Jun 2020 | 3:42pm

PKPP: KPDNHEP beri amaran kepada 9 premis

Oleh Rohaniza Idris dan Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi amaran kepada sembilan premis ketika melakukan 1,368 pemeriksaan pematuhan prosedur operasi standard (SOP), semalam.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata sebanyak 1,359 premis didapati mematuhi SOP Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang ditetapkan.

"Penguat kuasa KPDNHEP turut membuat pemantauan harian ke atas 25 jenis bekalan barangan di 845 premis dan secara keseluruhan bekalan barangan keperluan adalah mencukupi dan mudah diperoleh.

"Selain itu, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan membuat pemantauan di peringkat pengeluar makanan dan memberi jaminan bekalan adalah mencukupi," katanya dalam kenyataan berhubung Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) di sini, hari ini.

Ismail Sabri berkata, orang ramai dinasihatkan supaya tidak bimbang dengan bekalan makanan dan barangan keperluan harian kerana dijamin mencukupi.

Beliau turut menggesa pengusaha dan orang ramai supaya sentiasa mengamalkan kawalan sendiri termasuk penjarakan sosial dan kebersihan terutama dalam aktiviti jual beli barangan keperluan harian.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/705010/pkpp-kpdnhep-beri-amaran-kepada-9-premis>